

10/10/2001

Tugas umat Islam ubah pandangan serong masyarakat sejagat

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, usaha bersepadu perlu dilakukan oleh umat Islam seluruh dunia bagi memperbetulkan pandangan serong masyarakat sejagat terhadap mereka.

Perdana Menteri berkata, masyarakat dunia menganggap orang Islam sebagai ganas, kerap berperang, berfikiran sempit, pemecahan dan tidak berupaya menggunakan kurniaan Allah untuk mempertahankan kemuliaan Islam.

"Oleh itu, kita mesti melakukan usaha bersepadu bagi menggambarkan ajaran Islam sebenar dalam semua ikhtiar kita," katanya dalam perutusan sempena Persidangan Menteri Pelancongan Islam ke-2 di sini, bermula esok.

Tiga puluh negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mengesahkan menyertai persidangan itu, yang dijangka dirasmikan oleh Dr Mahathir Jumaat ini. Ia dimulakan dengan mesyuarat peringkat pegawai, esok.

Dr Mahathir berkata, persidangan itu diharap menyediakan peluang kepada negara anggota OIC untuk membincang dan mengguna pakai langkah bagi pembangunan pelancongan di samping memperkukuhkan perpaduan serta persefahaman lebih baik di kalangan umat Islam.

Katanya, pelancongan menjadi sektor semakin penting bagi kebanyakan negara. Sebagai sektor yang berkembang pesat, ia menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi di kebanyakan bahagian di dunia ini.

Malah, kata Perdana Menteri, pelancongan boleh menjadi alat untuk memperkukuhkan perpaduan dan memupuk persefahaman lebih baik di antara negara.

"Al-Quran mengajak umat-Nya untuk belajar mengenai syurga dan mengembara ke tempat lain sebagai cara memahami dunia di sekeliling kita. Pelancongan sudah tentu meningkatkan budaya dialog dan membuka barisan hadapan bagi kerjasama ekonomi di kalangan negara anggota OIC.

"Ia juga boleh menjadi saluran untuk meningkatkan keamanan dan mewujudkan hubungan berkekalan di antara satu sama lain," katanya.

Dalam perutusan yang sama, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata bidang pelancongan kini bukan saja membolehkan sesebuah negara mengaut keuntungan melalui tukaran asing, bahkan menyediakan pekerjaan, pendapatan dan penyumbang utama kepada sosioekonomi.

Katanya, banyak negara sekarang mempromosikan pelancongan sebagai satu keutamaan kerana secara relatif, ia memberi pulangan yang cepat.

"Oleh itu, persidangan ini menyediakan landasan bagi perbincangan mengenai perkara berkaitan pembangunan pelancongan dan promosi yang boleh menguntungkan kedua-dua belah pihak kepada semua negara anggota OIC," katanya.

Beliau berkata, persidangan bertemakan Perkongsian Pintar Bagi Mewujudkan Perpaduan dan Kemakmuran itu, menyediakan peluang kepada negara anggota OIC mengambil langkah bagi kemajuan dan mempromosi sektor pelancongan yang memberi faedah kepada semua.

(END)